IBU PEJABAT JPS MALAYSIA

SURAT PEKELILING JPS BILANGAN 7 TAHUN 2013

DASAR KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) JABATAN PENGARIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA VERSI 2.0

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) JPS Malaysia Versi 2.0 dan perkara-perkara berkaitan yang perlu dipatuhi dalam menggunakan aset ICT JPS Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

Dasar ini adalah hasil kajian semula Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (DKICT) yang telah diterbitkan pada tahun 2009 dan ia merupakan usaha dan langkah berterusan bagi menjamin keselamatan dan melindungi aset ICT JPS Malaysia secara menyeluruh.

Surat Pekeliling JPS Bilangan 7 Tahun 2013 ini dikemas kini selaras dengan Pelan Strategik Teknologi Maklumat JPS, Dasar Keselamatan ICT MAMPU Versi 5.3, Dasar Keselamatan ICT NRE Versi 2.0, pelaksanaan *Information Security Management System* (ISMS) di JPS dan memenuhi salah satu keperluan *Star Rating*.

3.0 KANDUNGAN DASAR

Dasar ini merangkumi perkara-perkara seperti berikut :

a) Dasar Keselamatan
b) Pengurusan Keselamatan ICT
c) Pengurusan Aset
d) Keselamatan Sumber Manusia
e) Keselamatan Fizikal dan Persekitaran
f) Pengurusan Operasi dan Komunikasi
g) Kawalan Capaian
h) Perolehan, Pembangunan dan Penyelenggaraan Sistem Maklumat
i) Pengurusan Pengendalian Insiden Keselamatan
j) Pengurusan Kesinambungan Perkhidmatan
k) Pematuhan

4.0 SURAT AKUAN PEMATUHAN

Semua Pengarah Bahagian, Pengarah Negeri dan Jurutera Projek perlu memastikan setiap pegawai dan kakitangan di bawahnya untuk menandatangani Surat Akuan Pematuhan Dasar Keselamatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) JPS Malaysia Versi 2.0 seperti yang dilampirkan dan difailkan ke dalam fail peribadi masing-masing.

Semua pegawai dan kakitangan yang berkhidmat di Bahagian, JPS Negeri dan Pejabat Jurutera Projek, pembekal dan juru perunding yang berurusan dengan JPS Malaysia **DIWAJIBKAN** mengisi Surat Akuan Pematuhan ini sebelum memulakan tugas di JPS Malaysia.

5.0 PEMAKAIAN

Surat Pekeliling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Bahagian, JPS Negeri, dan Pejabat Jurutera Projek yang menggunakan aset ICT JPS Malaysia.

6.0 PEMBATALAN

Dengan berkuat kuasanya surat pekeliling ini, maka Surat Pekeliling JPS Bilangan 1 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

7.0 TARIKH KUAT KUASA

Surat Pekeliling ini adalah berkuat kuasa mulai daripada tarikh ia dikeluarkan.

8.0 PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai dasar ini boleh dirujuk kepada:

Pengarah
Bahagian Pengurusan Maklumat,
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
Jalan Sultan Salahuddin 50626 Kuala Lumpur
Tel: 03-26161518
Fax: 03-26972600

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH SUNGAI KITA"

(DATUK IR HJ. AHMAD HUSAINI BIN SULAIMAN)
Ketua Pengarah,
Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

Tarikh : 09 Mei 2013

Edaran kepada:

1. Timbalan Ketua Pengarah (Bisnes)
2. Timbalan Ketua Pengarah (Pakar)
3. Pengarah Kanan Sektor Pengurusan
4. Semua Pengarah Bahagian
5. Semua Pengarah Pengairan dan Saliran Negeri
6. Semua Jurutera Projek

SURAT AKUAN PEMATUHAN
DASAR KESELAMATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (DKICT)
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA (JPS)

Nama (Huruf Besar) : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Jawatan : _____

Bahagian : _____

Adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

1. Saya telah membaca, memahami dan akur akan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Dasar Keselamatan ICT JPS; dan

2. Jika saya ingkar kepada peruntukan-peruntukan yang ditetapkan, maka tindakan sewajarnya boleh diambil ke atas diri saya.

Tanda tangan : .....

Tarikh : .....

Pengesahan

.....

( )

Pengarah Bahagian

Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia

Tarikh: .....